

ANDALAH WIRA NEGARA



CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH

Pengenalan

Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dikenakan atas keuntungan daripada pelupusan/penjualan hartanah atau saham dalam Syarikat Harta Tanah (SHT)

Pengumuman Borang CKHT

Perkara	Sebelum 1 April 2007	Mulai 1 Januari 2010
Pelupus/Penjual i. Harta tanah ii. Syer dalam SHT	CKHT 1 CKHT 1	CKHT 1A CKHT 1B
Pemeroleh/Pembeli i. Harta tanah ii. Syer dalam SHT	CKHT 2 CKHT 2	CKHT 2A CKHT 2A

Hantar Borang CKHT ke cawangan LHDNM di mana fail pelupus dikendalikan dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan

Sertakan Dokumen Berikut

- Salinan Perjanjian Jual dan Beli (S&P) bagi pemerolehan dan pelupusan harta tanah
- Borang Pemindahan Saham (Borang 32A) bagi pemerolehan dan pelupusan saham dan Borang Pengagihan Saham (Borang 24) bagi pemerolehan saham
- Salinan Surat Hakmilik (jika ada) / Borang Pindahmilik (KTN14A)
- Resit bayaran dan invois bagi perbelanjaan/kos sampingan

Remitan

Pembeli dikehendaki meremit 2% daripada harga balasan atau kesemua wang balasan (yang mana lebih rendah) kepada LHDNM dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan. Bagi pelupusan yang tidak dikenakan CKHT, pelupus boleh mengisi borang CKHT3 supaya remitan 2% tidak perlu dibuat

Perkhidmatan Bayaran Di Bank Ejen LHDNM

Jenis Perkhidmatan	CIMB BANK	PUBLIC BANK	MAYBANK	HONG LEONG	CITIBANK	POS MALAYSIA	AFFIN BANK
Kaunter Bank	√	√	√	-	-	√	√
Perbankan Internet	-	√	√	√	√	√	-

e- Bayaran di Portal LHDNM:
www.hasil.gov.my

Pelupusan Yang Tidak Dikenakan CKHT

- Pelupusan dibuat selepas 5 tahun dari tarikh perolehan harta tersebut
- Pemberian atas dasar kasih sayang/pemindahan di antara:
 - o Suami dan isteri
 - o Ibuluapa dan anak
 - o Datuk/nenek dan cucu
- Keuntungan jualan rumah kediaman sekali seumur hidup bagi warganegara atau pemastautin tetap (permohonan pengecualian mestilah dibuat dengan mengisi borang di bawah Seksyen 8, Akta CKHT 1976)

Kadar Cukai CKHT

Mulai 1 Januari 2013, CKHT dikenakan pada kadar:

- 15% secara efektif atas keuntungan daripada pelupusan hartanah atau saham dalam Syarikat Harta Tanah yang dibuat dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pemerolehan
- 10% secara efektif atas keuntungan daripada pelupusan hartanah yang dibuat dalam tahun ketiga sehingga tahun kelima dari tarikh pemerolehan.

Kadar Efektif CKHT mulai 1 Januari 2013

Pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai	Kadar Efektif
Pelupusan dalam tempoh 2 tahun daripada tarikh pemerolehan	15%
Pelupusan dalam tahun ke-3 hingga tahun ke-5 daripada tarikh pemerolehan	10%

HASIL Teman Keceriaan Anda

www.facebook.com/
Lembaga-Hasil-Dalam-Negeri

www.twitter.com/LHDNM

www.hasil.gov.my
1-800-88-5436 (LHDN)

Penafian

Risalah ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat muktamad atau lengkap mengenai suatu tajuk tersebut dan tidak seharusnya digunakan sebagai rujukan perundangan